

Murid Kafa diancam hakisan tebing

Kontraktor didakwa gagal ikut spesifikasi ditetapkan, tembok dijanjikan pun tak dibina

TELOK DATOK - Murid Sekolah Kafa Integrasi As Syariff, Telok Datok terdedah bahaya apabila projek bina tebing sungai bagi mengelak hakisan disiapkan tanpa mengikut spesifikasi ditetapkan.

Pengerusi Pentadbirannya, Zawalam Mashod berkata, projek membina tebing telah dimulakan sekitar dua bulan lalu dan siap sepenuhnya.

Menurutnya, sepatutnya selepas siap projek berkenaan, pihak kontraktor menaikkan tembok sebagaimana dimaklumkan kepada pihak sekolah.

"Tapi, sebaik sahaja siap mereka tak dapat siapkan tembok berkenaan dan murid terdedah dengan bahaya tidak sampai 50 meter dari sungai.

"Pihak sekolah sudah beberapa kali memaklumkan kepada pihak kontraktor, namun mereka tetap beri alas-

an tidak dapat pembayaran selain tidak dapat wang pusingan modal," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ketua Guru, Mufidah Masroni berkata, perkara ini juga sudah dipanjangkan kepada pihak Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), namun tiada jawapan juga.

Sehingga kini pihak Kafa mengambil inisiatif sendiri meletakkan tali amaran dan sentiasa membuat pemantauan ke kawasan berhampiran bagi mengelak murid berada di kawasan tersebut.

"Kami bimbang jika murid bermain di kawasan ini hingga menyebabkan kemalangan.

"Setiap masa saya akan arahkan guru awasi murid sebab bimbang mereka akan ke kawasan tebing sungai," katanya.

Mufidah berkata, beliau dimaklumkan tembok akan dibina seperti dijanjikan tetapi



Sulaiman meninjau keadaan tebing sungai yang hanya jarak 50 meter dari bangunan sekolah.

tidak tahu bila dan berharap ia dapat disegerakan.

"Selain itu, saya tak nafikan lokasi sekolah juga agak kui-

rang sesuai sebab berhampiran selekoh dan amat bahaya," katanya.

Sementara itu, Pengerusi

Pembangunan Luar Bandar, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau telah meninjau kawasan yang disuarakan dan

ternyata amat berbahaya.

Katanya lagi, beliau mendesak pihak bertanggungjawab membina segera tembok seperti dijanjikan dan jangan beri alasan tiada pusingan modal kerana ia mengancam keselamatan murid.

"Garis amaran itu boleh dilihat di luar pagar sekolah dan perlu diberi perhatian segera susulan pihak sekolah sudah beberapa kali menghantar permohonan.

"Saya harap sangat segera diambil tindakan dan saya sendiri akan memanjangkan perkara ini kepada pihak yang terlibat untuk ambil tindakan," katanya.

Dalam pada itu, Jabatan Agama Islam Daerah Kuala Langat juga digesa supaya menyediakan peruntukan khas bagi pembinaan tembok sekiranya perlu bagi mengelak murid terdedah kepada bahaya.